



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	NO MEAT SHORTAGE FOR NOW, SAYS MINISTER, NATION, THE SUN -13 FOOD SECURITY TAKES CENTRE STAGE, SPEAK UP, THE SUN -9 NO MEAT SHORTAGE FOR NOW, SAYS MINISTER, THE STAR -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	KES RABIES DI SARAWAK MENINGKAT, HM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	600,000 BENIH IKAN, UDANG GALAH DISASAR DILEPASKAN TAHUN INI, NEGERI MELAKA, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9. 10.	UBAH PERSEPSI NEGATIF SANTAN KELAPA, NEGERI PERAK, SH -28 MARDI SANGKAL SANTAN SEGAR TINGKAT KOLESTROL, DALAM NEGERI, UM -29 PERAK BAKAL HAB TANAMAN BAWANG MERAH, DALAM NEGERI, UM -29 SANTAN SEGAR BAIK UNTUK JANTUNG, OTAK, NEGARA, KOSMO -7 MARDI LANCAR EMPAT JENIS KELAPA HIBRID, BISNES, HM -27	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	NGO HARAP P.PINANG BATAL PROJEK PSI, NEGARA, KOSMO -7 AYAM KAMPUNG TERNAKAN PENEROKAN, BISNES, HM -27 PASFA BANGUNKAN LADANG DURIAN SELUAS 199 HEKTAR DI KUALA LIPIS, NEGERI PAHANG, SH -24 GUNA KEPAKARAN BANTU SEKTOR PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -4 SAYUR BERBUAH LEBIH SESUAI DITANAM PADA MUSIM PANAS, GAYA TANI, UM -26 PERKUKUH EKOSISTEM SEKTOR AGROMAKANAN, K2, KOSMO -22 HARGA AYAM DIJUAL BERGANTUNG PERUNCIT, NASIONAL, SH -19 KERJASAMA AEON BIG-FGV BANTU PASAR AYAM KAMPUNG LADANG '57, NASIONAL, SH -19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	THE STAR	NATION	13

No meat shortage for now, says minister

By TEH ATHIRA YUSOF
 tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: The country will not face a meat supply shortage following Malaysia's temporary suspension of live cattle and buffaloes from Australia, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad said the government still allows the import of beef from Australia.

"The suspension action is temporary and taken as an initial precautionary measure. The estimated 5600 metric tonnes of local meat are sufficient for consumption for this month and September as there are no festivals," he said when contacted.

On August 4, the government, via the Department of Veterinary Services (DVS), imposed a temporary suspension on the import of live cattle and buffaloes after receiving a report from Indonesian authorities alleging signs of Lumpy Skin Disease (LSD) in cattle imported from Australia.

According to the DVS, the country imports more than RM25mil worth of live cattle and buffaloes from Australia.

Food security takes centre stage

COMMENT
by Ahmad Fikri Mohd Fauzi

THE geopolitical turmoil resulting from the 2022 Russian invasion of Ukraine, coupled with climate change uncertainties and population growth, has significantly reshaped the global perspective on the critical issue of food security.

According to the United Nations, an estimated 840 million people worldwide could face food insecurity by 2030 if immediate action is not taken.

A recent study by Universiti Sains Malaysia indicated that the high and low temperatures in padi fields in Malaysia have continued to increase between 0.3°C to 0.5°C and 0.2°C to 0.3°C.

The continued rise in temperature from pre-industrial levels will damage maize and rice crops.

Furthermore, climate change can affect the productivity of crops and padi because the agriculture sector depends on climate and weather cycles.

Another empirical study found that climate change has impacted several different crops in 12 different regions, including Southeast Asia, China, South Asia, East Africa, Central Africa, Southern Africa, West Africa, the Sahel, West Asia, Brazil, Central America and the Caribbean and the Andean region.

"According to the United Nations, an estimated 840 million people worldwide could face food insecurity by 2030 if immediate action is not taken."



Night farming is expected to increase pineapple exports from 400,000 to 700,000 tonnes annually by 2025. — **MASRY CHE ANI/THESUN**

The data indicates that rice yields in Southeast Asia, Brazil and Central America could experience reductions of up to 5% by the year 2030.

Other crops that will also be affected are wheat in the Sahel, Central Africa, South Asia and Brazil, along with groundnut in Western Africa and maize in Southern Africa.

The Agriculture and Food Security Ministry in Malaysia has affirmed that the existing state of food security remains favourable. However, disruptions caused by geopolitical tensions have impacted poultry supply. Currently, Malaysia holds the 41st position on the Global Food Security

Index, stands at the 10th spot in the Asia-Pacific region, and is in second place within Asean after Singapore.

Under the framework of the National Agro-food Policy 2021-2030, the Agriculture and Food Security Ministry has adopted two strategies focused on modernisation and smart agriculture.

The ministry aims to intensify research, development, commercialisation and innovation (RDCl) to catalyse the modernisation of the agro-food sector by increasing resources for fiscal and non-fiscal research activities.

Incentives for RDCl are being implemented in government agencies and government-linked companies, such as

the Malaysian Investment Development Authority, Malaysia Research Accelerator for Technology and Innovation, Malaysian Technology Development Corporation and Cradle Fund.

The Malaysian Agricultural Research and Development Institute recently collaborated with Tehran's Agricultural Research, Education and Extension Organisation to enhance bilateral cooperation in agriculture, especially in research and development.

The Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) has expressed enthusiasm over the RM9 million allocation from the government. This funding is expected to realise the board's night farming plan and increase pineapple exports from 400,000 to 700,000 tonnes annually by 2025.

MPIB plans to extend night farming for MD2 pineapples, which are highly sought after for export, especially to the Middle East and Europe.

The ministerial-level forum dedicated to tackling food security concerns has yielded positive outcomes, highlighting the Madani government's commitment and proactive measures in engaging industry stakeholders, government-linked entities, academicians and the Ministry of Agriculture and Food Security.

The forum deliberated on the challenges surrounding food security and how stakeholders can contribute towards comprehensive solutions to address the issues at hand.

The conclusions drawn from the forum can serve as a foundation, paving the way for a prosperous and equitable future for Malaysia Madani.

The writer is a Training Consultant at the Public Policy, Project Management and Governance Studies Centre, National Institute of Public Administration. Comments: letters@thesundaily.com

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	THE STAR	ONLINE	

No meat shortage for now, says minister



PETALING JAYA: The country will not face a meat supply shortage following Malaysia's temporary suspension of live cattle and buffaloes from Australia, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

Mohamad said the government still allows the import of beef from Australia.

"The suspension action is temporary and taken as an initial precautionary measure. The estimated 5600 metric tonnes of local meat are sufficient for consumption for this month and September as there are no festivals," he said when contacted.

On August 4, the government, via the Department of Veterinary Services (DVS), imposed a temporary suspension on the import of live cattle and buffaloes after receiving a report from Indonesian authorities alleging signs of Lumpy Skin Disease (LSD) in cattle imported from Australia.

According to the DVS, the country imports more than RM25mil worth of live cattle and buffaloes from Australia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

Kes rabies di Sarawak meningkat



Miri: Kes-kes rabies yang menjangkiti haiwan dan manusia mencatatkan peningkatan di Sarawak, dengan Kampung Narum di Marudi, di sini, diisytihar sebagai kawasan terbaharu jangkitan rabies selepas seekor anjing liar disahkan positif pada 2 Ogos lalu.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata, beliau

mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan mereka yang digigit haiwan supaya segera mendapatkan rawatan di klinik.

"Tahun ini Sarawak merekodkan 13 kematian daripada 15 kes rabies mengikut Jabatan Kesihatan Sarawak.

"Sejak 2017 jumlah kumulatif rabies yang menjangkiti manusia kini berjumlah 70 kes dengan 63 kematian," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Selaras dengan peningkatan itu, beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak mempergiatkan program vaksinasi anti-rabies di seluruh negeri terutamanya di bahagian Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri.

"Satu vaksinasi besar-besaran akan diadakan di tempat letak kereta Taman Awam Miri dari 9 pagi hingga 4 petang pada 19 dan 20 Ogos ini," katanya.

Dr Rundi berkata, DVS Sarawak dan Pasukan Immune Belt Enforcement Team (IBET) menetapkan sasaran 40,000 ekor anjing untuk divaksinasi di seluruh Sarawak tahun ini, dan sehingga kini 27,668 ekor anjing berjaya divaksinasi.

Menurutnya, sebanyak 392 sampel diuji, dan hasilnya 73 ekor anjing dan lima kucing didapati positif rabies.

Jangkitan rabies pada haiwan itu dikesan di Lundu (tiga); Bau (dua); Kuching (31); Padawan (18); Kota Samarahan (lima); Tebakang (empat); Bintulu (dua) dan masing-masing satu kes bagi Siburan, Serian, Sibul, Selangau, Mukah, Marudi dan Lawas.

Menurutnya, pemilik anjing mesti memastikan haiwan peliharaan mereka diberi vaksin dan mereka yang gagal melakukannya tanpa sebab munasabah bagi mematuhi Perintah Vaksinasi Anti-Rabies akan dianggap melakukan kesalahan yang boleh dikompaun sehingga RM1,000.

Pemilik yang membiarkan anjing mereka berkeliaran di jalanan juga boleh didenda tidak melebihi RM2,500 mengikut Seksyen 37 Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, dan pihak berkuasa tempatan boleh merampas dan menahan mana-mana anjing yang dilepaskan tanpa pengawasan, selaras dengan Undang-undang Kecil Pelesenan dan Kawalan Anjing 2018.

600,000 benih ikan, udang galah disasar dilepaskan tahun ini

JASIN - Jabatan Perikanan Melaka menyasarkan kira-kira 600,000 benih ikan seperti lampam, baung, terbul dan udang galah dilepaskan di sungai utama di negeri itu, termasuk di Sungai Melaka.

Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Leong berkata, setakat ini kira-kira 300,000 benih ikan dilepaskan termasuk 100,000 benih udang galah membabitkan kos RM13,000 di perairan umum

di Sungai Kesang, Sungai Rambai pada Selasa. "Pada 2021, sebanyak 528,900 benih ikan dan udang galah dilepaskan ke perairan umum, manakala bagi 2022 sebanyak 366,160 benih ikan untuk tujuan sama.

"Pelepasan benih ikan diharapkan dapat meningkatkan lagi stok sumber perikanan dan aktiviti rekreasi masyarakat setempat," katanya selepas program pelepasan benih udang galah di Sungai Rambai di sini pada Selasa. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	SINAR HARIAN	NEGERI MELAKA	25

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	28

Ubah persepsi negatif santan kelapa

Kerajaan disaran
promosikan kelapa
sebagai sumber utama
lemak yang baik

Oleh SAIFULLAH AHMAD
BAGAN DATUK

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menggesa kerajaan meningkatkan promosi untuk mengubah persepsi tidak baik terhadap santan kelapa yang sebenarnya memberi manfaat kepada kesihatan.

Pengerusinya, Dr Azman Ismail berkata, pelbagai kajian di dunia telah membuktikan bahawa santan kelapa amat baik kerana mengandungi *Medium Chain Triglyceride* (MCT) yang turut berada di dalam susu ibu.

Jelas beliau, MCT merupakan lemak yang penting dan paling sesuai dengan badan manusia berfungsi sebagai antiviral, antifungal, antibakteria dan antiparasit serta meningkatkan imuniti sistem tubuh.

"Saya menyeru kepada kerajaan supaya mengubah persepsi terhadap lemak pemakanan supaya Kementerian Kesihatan juga sedar tentang perubahan ini dan menguar-uarkan kepada masyarakat. Kelapa merupakan sumber utama lemak yang baik.

"Lemak sangat penting untuk antioksidan, sumber nutrisi dan penyerapan zat vitamin. Lemak terbaik



Dari kiri: Azman, Mohd Zolkafly, Shahrul Zaman dan Mohamad Zabawi turut merasai minuman santan kelapa yang disediakan sempena Majlis Pelancaran Kelapa Hibrid di MARDI Bagan Datuk pada Isnin.

adalah santan dan minyak kelapa kerana ini anugerah Tuhan kepada kita," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Kelapa Hibrid MARDI di MARDI Bagan Datuk di sini pada Isnin.

Hadir sama pada majlis itu, Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun; Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rungkup, Datuk Shahrul Zaman Yahya.

Azman berkata, selama ini terdapat banyak kekeliruan disebarkan mengenai lemak santan kelapa oleh mereka yang tidak memahami perkembangan sains terbaharu.

Menurutnya, beberapa negara lain sudah menyedari tentang kebaikan lemak santan malah di China serbuk santan tulen dari Malaysia

antara produk paling laris dijadikan minuman di restoran.

Beliau berkata, disebabkan permintaan yang tinggi terhadap santan kelapa tulen itu, syarikat Malaysia yang menghasilkan produk berkenaan terpaksa mengimport kelapa dari luar untuk memenuhi kehendak pasaran.

"Orang Melayu dahulu sihat sebab gunakan santan dalam masakan sebab ia baik. Lemak yang tak baik ini adalah lemak ciptaan seperti lemak trans.

"Selain itu juga, kelapa dan lemak santan ini turut digunakan oleh atlet antarabangsa sebagai salah satu keperluan untuk meningkatkan prestasi mereka," katanya.

Menurut Azman, santan kelapa merupakan cecair emulsi yang terdiri daripada 57 peratus air, 35 peratus lemak, protein (4.5 peratus), karbohidrat (2.1 peratus) dan garam galian (1.1 peratus).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



DR. Azman Ismail (kiri) menunjukkan santan segar pada pelancaran benih baharu kelapa hibrid di Bagan Datuk, Perak, semalam. - UTUSAN/SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

Mardi sangkal santan segar tingkat kolesterol

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Meminum santan kelapa segar baik untuk kesihatan otak, jantung, paru-paru, sistem imuniti tubuh serta mengurangkan obesiti.

Pengerusi Lembaga Pengelola Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr. Azman Ismail, menyangkal persepsi umum bahawa penggunaan santan yang kerap meningkatkan kolestrol dan menjejaskan kesihatan.

Jelasnya, secara umum, santan dan air kelapa adalah bahan yang sihat dengan air kelapa boleh digunakan untuk menggantikan bahan galian yang hilang dalam tubuh selepas bersukan.

"Tetapi, santan lebih istimewa sebab lemak dalam santan dipanggil trigliserida rantaian sederhana (MCT) yang sama

dengan lemak dalam susu ibu, iaitu lemak yang secara fisiologi paling sesuai dengan badan manusia, baik untuk otak, jantung, paru-paru dan sistem imuniti manusia.

"MCT adalah makanan yang paling disukai oleh jantung dan paru-paru untuk sistem imuniti dalam melawan jangkitan kuman dan ada khasiat anti bakteria, anti virus termasuk HIV dan Covid-19," katanya pada pelancaran empat benih baharu kelapa hibrid di Stesen MARDI Bagan Datuk di sini, semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri Rungkup, Datuk Shahrul Zaman Yahya dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Menurut Dr. Azman, penggunaan santan atau lemak untuk kesihatan diketahui oleh kebanyakan tempat di dunia, contohnya serbuk santan asli dari Malaysia menjadi minuman kesihatan popular di China.

Katanya, terdapat dua syarikat di Malaysia yang mengeluarkan serbuk santan asli sehingga tidak 'menang tangan' kerana permintaannya sangat tinggi di luar negara sehingga terpaksa mengimport kelapa dari Indonesia.

Ujarnya, atlet yang mencapai keupayaan luar biasa dalam sukan kebanyakannya menggunakan lemak MCT dalam diet pemakanan untuk tenaga mereka.

Pada masa sama, mereka yang mahu mengawal berat badan, pulih daripada obesiti dan diabetes, boleh dilakukan menggunakan kaedah berpuasa, diet rendah karbohidrat serta tinggi lemak MCT.

Perak bakal hab tanaman bawang merah

BAGAN DATUK: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berhasrat menjadikan Perak sebagai hab penanaman bawang merah tanah rendah di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata usaha itu akan dapat direalisasikan menerusi kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri

Perak (PPNP) yang memiliki kawasan tanah yang luas.

"Pada masa ini MARDI berjaya menghasilkan varieti bawang merah sesuai untuk tanah rendah dan kita berikan kepada beberapa petani.

"Menerusi kerjasama antara MARDI dan PPPNP pula, kita memperluas tanaman itu di Perak dan buat usahasama dalam masa terdekat untuk melaksa-

nakan projek perintis di negeri ini," katanya.

Beliau bercakap dalam sidang media selepas majlis pelancaran empat anak benih kelapa hibrid baharu di Stesen Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagan Datuk di sini, semalam.

Pelancaran itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar,

Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun.

Menurut Mohamad Zabawi, PPPNP akan menentukan di mana lokasi sesuai untuk melaksanakan projek penanaman bawang merah berskala besar itu.

Beliau memaklumkan projek tersebut dijangka boleh menghasilkan 30 tan metrik bawang setahun dengan tempoh pe-

nanaman yang tidak lama iaitu tiga hingga empat bulan sahaja untuk satu musim.

Jelasnya, pihaknya sudah menyerahkan benih bawang itu kepada beberapa petani di Bachok Kelantan dan di Banting, Selangor untuk penanaman di kawasan tidak luas iaitu antara 0.4 hingga 0.8 hektar manakala Perak menjadi perintis penanaman secara besar-besaran.

16/8/2023

KOSMO

NEGARA

7



DR. AZMAN (kiri) mencuba minuman santan segar di Stesen Mardi Bagan Datuk kelmarin.

Penggunaan tiada kaitan dengan kolesterol tinggi

Santan segar baik untuk jantung, otak

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

BAGAN DATUK – Amalan minum santan kelapa segar sebenarnya baik untuk kesihatan otak, jantung, paru-paru, sistem imuniti tubuh serta mengurangkan obesiti.

Pengerusi Lembaga Pengelola Institut Penyelidikan dan Kemanusiaan Malaysia (Mardi), Dr. Azman Ismail berkata, dia menyangkal persepsi umum bahawa penggunaan santan yang kerap meningkatkan kolesterol dan menjejaskan kesihatan.

Jelasnya, secara umum, santan dan air kelapa adalah bahan yang sihat dengan air kelapa boleh digunakan untuk mengelakkan bahan galian yang tinggi dalam tubuh selepas bersukan.

"Bagaimanapun, santan lebih istimewa sebab lemak dalam

santan dipanggil trigliserida rantai sederhana (MCT) yang sama dengan lemak dalam susu ibu, iaitu lemak yang secara fisiologi paling sesuai dengan badan manusia, baik untuk otak, jantung, paru-paru dan sistem imuniti manusia.

"MCT adalah makanan yang paling disukai oleh jantung dan paru-paru untuk sistem imuniti dalam melawan jangkitan kuman dan ada khasiat antibakteria, anti-virus termasuk HIV dan Covid-19," katanya selepas pelancaran empat benih baru kelapa hibrid di Stesen Mardi Bagan Datuk di sini kelmarin.

Menurut Dr. Azman, penggunaan santan atau lemak untuk kesihatan telah diketahui oleh kebanyakan tempat di dunia, contohnya serbuk santan asli dari Malaysia menjadi minuman kesihatan popular di China.

Bellau memaklumkan terda-

pat dua syarikat di Malaysia yang mengeluarkan serbuk santan asli sehingga tidak 'menang' tangan kerana perminiaannya sangat tinggi di luar negara sehingga terpaksa mengimport kelapa dari Indonesia.

Ujarnya, atlet yang mencapai keupayaan luar biasa dalam sukan kebanyakan menggunakan lemak MCT dalam diet pemakanan untuk tenaga mereka.

Pada masa sama, mereka yang mahu mengawal berat badan, pulih daripada obesiti dan diabetes, boleh dilakukan menggunakan kaedah berpuasa, diet rendah karbohidrat serta tinggi lemak MCT.

"Di China, santan dikenali sebagai minuman 'susu bui' kalau pergi ke restoran, mereka tidak minta teh tarik, tetapi serbuk santan diminum bersama air panas sebagai minuman kesihatan setiap hari," jelasnya.

NGO harap P. Pinang batal projek PSI

GEORGE TOWN – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar di negeri ini berharap pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang baharu yang diketuai oleh Ketua Menteri, Chow Kon Yeow tidak meneruskan projek projek pembangunan yang tidak lestari serta merosakkan alam sekitar.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM) R. Meenakshi berkata, selain itu, kerajaan negeri juga mesti mendengar seruan Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (PenMutara) agar menghentikan projek projek tambahan seperti projek tambak laut Pulau Pinang Selatan (PSI).

"Kerajaan negeri seharusnya tidak meneruskan projek projek yang tidak lestari dan merosakkan alam seperti PSI.

"Selain itu, kerajaan negeri mesti mendengar seruan PenMutara yang mahu projek projek tambak laut di negeri ini dihentikan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kon Yeow yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang, mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri di Seri Mutiara, Ahad lalu.

Menurut Meenakshi, dengan mengambil kira perubahan iklim dunia, kerajaan ne-

CAP raya PM batal projek tambak laut

KERATAN Kosmo! 6 Mei 2023.

ri harus menimbang semula dasar-dasar kerajaan negeri bagi menjamin pembangunan yang berdaya tahan dengan perubahan iklim.

"Sekiranya kerajaan negeri tidak mengambil kira perubahan iklim dengan serius, kos kepada ekonomi akan bertambah dengan kejadian banjir yang kerap dan ia merugikan rakyat serta negeri," katanya.

Dalam pada itu, turut senda dengan SAM, Timbalan Pengerusi PenMutara, Zakaria Ismail turut mengesahkan kerajaan negeri serta barisan Exco yang baharu agar membatalkan projek PSI dan projek projek tambak laut yang dirancang di kawasan di Pulau Pinang.

Selain itu, Zakaria berkata, dengan adanya Exco baharu yang bakal dilantik komuniti nelayan, berharap ada perubahan dalam dasar-dasar kerajaan negeri terutama dalam soal keterjaminan makanan serta mengulapaskan kemiskinan.



PEMANANGAN Jambatan Pulau Pinang selepas subuh ketika orang ramai keluar bekerja baru-baru ini.



ZOLKAFLY (dua dari kanan) melihat tanaman pokok kelapa induk Cameron Red Dwarf.

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@fime-
tro.com.my

Kuala Lumpur

FGV Holdings Bhd (FGV) melalui anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF) terus menjalin kerjasama dengan AEON Big (M) Sdn Bhd (AEON Big) untuk memasarkan ayam kampung ternakan peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) di pasar raya berkenaan.

Ketua Pertanian Bersepadu FGV, Abdul Razak Aya berkata, inisiatif ini dijalankan dengan penyertaan peneroka tempatan iaitu Projek Pembangunan Peneroka (PPP) di bawah Felda dan Program Pembasmian Kemiskinan (BMKSM) di bawah pengurusan pertanian kontrak.

Menurutnya, ayam kampung di bawah jenama Ladang 57 itu akan dipasarkan di 21 cawangan pasar raya AEON Big seluruh negara bagi membantu meningkatkan pendapatan peneroka Felda.

"Menerusi inisiatif itu, peneroka tidak hanya bergantung dengan hasil tanaman kelapa sawit saja.

"Sebaliknya, mereka ada sumber pendapatan lain dan AEON Big menjadi ra-

Mardi lancar empat jenis kelapa hibrid

Bagan Datuk: Institut Pertanian dan Kemajuan Masyarakat (MARDI) melancarkan empat varieti kelapa hibrid baharu berhasi tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan petani dan pengusaha kelapa di negara ini.

Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohammad Zabawi Abdullah Ghani berkata, varieti hibrid yang dinamakan MYLig, Marleca, Carena dan Careni itu mampu menjana hasil tinggi dengan kapasiti pengeluaran melebihi 25,000

biji per hektar setahun.

"Keempat-empat kelapa hibrid ini amat sesuai disorokkan kepada petani atau pengusaha tanaman kelapa dan mempunyai ciri-ciri yang sangat baik, rendah, mudah dipetik dan tahan terhadap penyakit yang akan meningkatkan pendapatan dan hasil kelapa dalam negara," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Kelapa Hibrid Mardi dan Hari Bertemu Pelanggan Mardi Perak di sini baru-baru ini.

Pelancaran itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan Pertanian dan Industri Makanan Perak Datuk Zolkafly Hassan.

Mohammad Zabawi berkata sebelum ini, Mardi menghasilkan lapan hibrid kelapa berhasi tinggi yang telah dibangunkan sejak 2005.

Beliau berkata, dalam usaha memperluas pengeluaran kelapa negara, Mardi terbutu- ka bekerjasama dengan ma-

minat merencanakan industri kelapa negara.

Katanya, Mardi telah melaksanakan projek kolaborasi dengan Perbadanan Pertanian Negeri Perak untuk tanaman kelapa, bawang dan durian.

"Selain itu, Mardi turut bekerjasama dengan Malaysia Kuwait Investment Co Sdn Bhd untuk projek pembangunan Kebun Benih Kelapa Hibrid Mardi bagi menghasilkan varieti kelapa hibrid Mardi seluas 30 hektar di Tawau, Sabah," katanya.

Ayam kampung ternakan peneroka

FGV, AEON Big julai kerjasama pasar produk di 21 cawangan



SHEIKH FAROUK (dua dari kiri) dan Abdul Razak Aya dari kiri pada Pelancaran Ayam Kampung Ladang 57 di AEON Big Wangsa Maju.

pada masa akan datang," katanya ketika diumumkan pen-berita selepas Pelancaran Ayam Kampung Ladang 57 di AEON Big Wangsa Maju, Hadir sama, Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti Felda, Raja Faridat Raja Ahmad; Peng-ru, AEON Co. Datuk Is-kanbar Sarudin; Pengarah- jadian Pembangunan Per-tanian Dan Ternakan Felda, Hasrin Ismail dan akan le-

1,000

Bilangan ayam kampung dipasarkan setiap minggu.

kan strategik kita untuk membeli serta pasaran ayam kampung berkenaan.

"Buat masa ini, 1,000 ayam kampung dipasarkan dalam seminggu dan akan membekalkan lebih banyak

bih sihat malah kita komited dalam memenuhi permintaan pasaran.

"Pulangan untuk peneroka pula bergantung kepada berapa ekor ayam dibekalkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan, AEON Big, Sheikh Farouk, Sheikh Mohamed berkata, pihaknya terus menjalin kerjasama dengan FGV kerana permintaan terhadap ayam kampung masih ada.

Katanya, pihaknya juga melihat ia sebagai peluang untuk membolehkan pelanggan mencari alternatif daripada ayam biasa di pasaran.

"Secara tidak langsung, kita beri peluang kepada produk baharu iaitu ayam kampung sebagai penambaran produk yang ditawarkan.

"Sebelum ini, kita bantu peneroka menjual produk ayam kampung.

"Tiada sasaran jualan kerana masih baru dan buat masa ini, kita laras di 21 cawangan AEON Big seluruh negara," katanya.

Pasfa bangunkan ladang durian seluas 199 hektar di Kuala Lipis

KUANTAN - Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) akan membangunkan projek penanaman durian varieti terkini di atas tanah seluas 199 hektar di Kampung Chegar Perah, Kuala Lipis pada awal tahun depan.

Pengerusi Jemaah Pengarah Pasfa, Datuk Zamri Yaakob berkata, ia melibatkan penanaman durian seperti damak king, musang king dan duri hitam serta beberapa varieti terbaharu.

Menurutnya, tanah seluas 40.47 hektar akan digunakan

bagi penanaman durian damak king.

"Kita sasar untuk eksport durian ke negara luar khususnya China menerusi penanaman durian berskala besar ini, selain pasaran tempatan.


"Dalam tempoh lima hingga enam tahun lagi, kita akan dapat menuai hasil daripada 16,450 batang pokok.

"Sebatang pokok matang (durian) dapat hasilkan kira-kira 100 biji durian," katanya pada program Moh Kendurian Pasfa di Ladang Kampung Mahkota di sini pada Selasa.



Zamri (tengah) melihat durian D24 dan ioi yang baru gugur di Ladang Kampung Mahkota selepas program Moh Kendurian Pasfa di Ladang Kampung Mahkota pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	KOSMO	NEGARA	4



KHALED (empat dari kanan) menyaksikan penyerahan replika cek pada Majlis Perasmian Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 di Universiti Putra Malaysia, Serdang semalam.

IPT perlu bergabung atasi isu keterjaminan makanan

Guna kepakaran bantu sektor pertanian

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

SERDANG – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menggesa lebih banyak universiti terlibat dalam membantu mengatasi isu keterjaminan makanan yang kini menjadi masalah global.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ini kerana universiti mempunyai banyak kepakaran dan penyelidikan yang boleh mengembangkan lagi sektor pertanian dalam negara.

Pada masa sama katanya, KPT akan melihat dan merangka bagaimana untuk mengoptimalkan pelbagai Pusat Kecemerlangan (CoE) dan Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) yang ada di semua institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kesemua pusat ini mesti bekerjasama dan menggabungkan kekuatan untuk negara.

"Universiti tidak boleh berhenti sekadar menjadi tempat rujukan. Universiti mesti turut mengambil langkah memacu dan memimpin perubahan merentas pagar kampus," katanya.

Mengulas lanjut, Khaled berkata, antara universiti yang dilihat mampu menjadi penyumbang kepada isu keterjaminan makanan ini adalah UPM.

Ini kerana katanya, kerajaan pernah mengkhususkan UPM sebagai universiti pertanian yang dibangunkan dengan mandat, fokus dan harapan untuk memberi segala pencerahan dan membina kepakaran dalam pertanian.

"UPM merupakan universiti yang mampu melaksanakan isu besar ini (keterjaminan makanan) menerusi penyelidikan dan kajian seterusnya akan menguat serta mengukuhkan sektor pertanian dalam negara.

"Ia bukan sahaja dapat me-

ngatasi masalah ini, tetapi dapat melahirkan peluang serta pihak yang menceburkan diri dalam bidang pertanian," katanya.


Terdahulu, pada persidangan tersebut, Khaled melancarkan varian baharu padi hasil penyelidikan UPM yang dinamakan sebagai Putra 1 dan Putra 2.

Menurut beliau, kedua-dua varian tersebut dapat meningkatkan pengeluaran padi kepada petani dan ia mampu bertahan dalam keadaan cuaca ekstrem serta serangan penyakit.

"Jadi kita sarankan supaya pesawah dalam negara dapat menanam padi yang dihasilkan oleh UPM ini.

"Ada banyak lagi produk-produk lain yang telah saya minta universiti hasilkan supaya dapat meningkatkan hasil pertanian negara dan memberi pulangan lumayan kepada mereka yang menceburi bidang pertanian," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	26



CUACA panas dijangka berlarutan sehingga September.

Sayur berbuah lebih sesuai ditanam pada musim panas

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intansuhana@mediamula.com.my

KETIKA ini ramai yang gemar bercucuk tanam terutama sayur-sayuran bagi mengurangkan kos barangan dapur.

Namun, cuaca panas yang dijangka berlarutan sehingga September membataskan keinginan tersebut memandangkan tanaman sukar subur dalam cuaca yang ekstrem.

Sebenarnya, ada beberapa jenis tanaman yang boleh dipertimbangkan sekiranya berkeinginan untuk bercucuk tanam ketika musim panas.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Juju Nakasha Jaafar berkata, antara tanaman yang sesuai ditanam semasa musim panas adalah timun, kacang panjang, petola, petola, ubi, kacang hijau dan terung.

"Jika dilihat di sini, ia kebanyakan daripada kategori sayuran berbuah. Ia lebih tahan panas berbanding sayur-sayur berdaun.

"Setiap spesies mempunyai daya tahan tersendiri terhadap tekanan



...tanaman yang tahan panas ini mempunyai lapisan luar yang sama ada tebal atau berlilin."

persekitaran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, ia berkaitan dengan morfologi iaitu keadaan fizikal tanaman tersebut, fisiologi iaitu dalam serta genetiknya sendiri.

"Sebagai contoh, tanaman yang tahan panas ini mempunyai lapisan luar yang sama ada tebal atau berlilin.

"Contohnya, terung yang lapisan luarnya adalah bersifat tahan panas dan berlilin, di mana wap air tidak cepat keluar dan melindungi dalam buah itu sendiri," katanya.

Selain itu, mekanisme tanaman itu sendiri (fisiologi) akan membantu di dalam mengurangkan kehilangan air seperti akan melipat atau menggulungkan daun.

Daun-daun baru pula sekiranya ada akan bersaiz



JUJU NAKASHA JAAFAR

sedikit kecil bagi membantu mengurangkan kehilangan air dalam tanaman tersebut.

KAWASAN SESUAI

Mengenai kawasan yang sesuai bagi tanaman pula, kata Juju, ketika musim panas disyorkan untuk menanam di kawasan yang mempunyai naungan dan tidak tertutup.

"Ini bagi membantu peredaran udara panas dan tidak memerangkap udara panas tersebut.

"Bagaimana pun, jika seseorang telah mempunyai sistem tertutup (*Greenhouse*), boleh pasang kipas yang mempunyai semburan titisan air bagi

menyejukkan persekitaran," jelasnya lanjut.

Daripada segi penjagaan pula katanya, amat penting untuk memberikan air secukupnya kepada tanaman bagi mengurangkan stres kepada tanaman.

"Sekiranya ada daun yang telah layu dan tidak dapat

INFO

JENIS TANAMAN MUSIM PANAS

- » Timun
- » Kacang panjang
- » Petola
- » Ubi
- » Kacang hijau
- » Terung

TIPS TANAMAN KEKAL SUBUR

- » Pemilihan jenis tanaman.
- » Pemilihan baka yang baik.
- » Penyiraman yang betul untuk mengelakkan stres kepada tanaman.
- » Berikan baja jika perlu dan pastikan baja yang sesuai dengan tanaman.
- » Media tanaman yang sesuai.
- » Kawalan penyakit yang sesuai.

diselamatkan, ia harus dibuang.

"Sekiranya perlu, bilangan daun juga perlu dikurangkan bagi mengurangkan kadar transpirasi pada tanaman tersebut," katanya yang turut menyatakan keperluan tanah digembur. Ini kerana pada musim panas tanah akan cepat kering sekaligus menyebabkan bahagian akar menjadi lemah.



PETOLA dan terung antara tanaman sesuai ditanam pada musim panas.

Perkukuh ekosistem sektor agromakanan

Situasi tersebut tidak memberi dampak besar kepada Malaysia yang bergantung kepada import input pertanian dan produk agrikultur. Menderau cabaran ini, pengukuhan eksport sektor agrikultur, tempatan dilihat sebagai langkah wajar dengan memupuk pematangan industri sokongan pertanian. Ini melibatkan industri yang membekalkan input pertanian seperti baja, racun dan makanan ternakan.

DR CHAKRIN UTTI merupakan Penasihat Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia.



